

PRESTASI SISTEM PERBANKAN ISLAM: KAJIAN BERDASARKAN PENINGKATAN DEPOSIT DAN PEMBIAYAAN BANK PERDAGANGAN

*Ali Badron Mokhtar
Asmadi Mohamed Naim
Khairul Anuar Adnan*

PENGENALAN

Sistem perbankan Islam (SPI) di Malaysia bermula apabila Akta Bank Islam (IBA) digubal pada 7 April 1983. Serentak dengan itu juga, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ditubuhkan dan beroperasi pada 1 Julai 1983. Sistem perbankan ini ditubuhkan seiring dengan sistem perbankan sedia ada yang telah lama bertapak di Malaysia.

Setelah lebih 20 tahun SPI beroperasi di Malaysia, perkembangan yang berlaku menuju ke arah yang lebih positif. Sistem ini juga mewujudkan persaingan yang baik kepada sistem perbankan konvensional. Sehingga Disember 2004, perbankan Islam di Malaysia mempunyai dua buah bank Islam, tiga belas bank komersil, tiga syarikat kewangan, empat bank saudagar dan tujuh rumah diskaun yang kesemuanya menyediakan produk kewangan berlandaskan Syariah. Pada 1 Mac dan 15 April 2005, dua buah lagi bank Islam mula beroperasi di Malaysia iaitu RHB Islamic Bank Berhad dan Commerce Tjari Bank Berhad menjadikan empat buah bank Islam beroperasi di Malaysia.

Perbankan Islam mencapai peningkatan ketara dari segi penguasaan pasaran perbankan keseluruhan dengan pencapaian 6.9 peratus pada 2000, deposit dan pembiayaan masing-masing mencatat sebanyak 7.4 peratus dan 5.3 peratus. Pencapaian ini mengatasi sasaran yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak lima peratus.

Berdasarkan pencapaian memberangsangkan ini, BNM meletakkan sasaran 20 peratus penguasaan pasaran perbankan Islam di Malaysia menjelang 2010. Sasaran ini dianggap langkah mencapai objektif jangka panjang yang dirangka bagi SPI di Malaysia iaitu membentuk SPI yang mampu beroperasi setanding dengan sistem perbankan konvensional di Malaysia. BNM juga menetapkan sasaran bahawa institusi perbankan SPI dikehendaki menguasai sekurang-kurangnya lima peratus

perniagaan perbankan Islam dari segi aset, deposit dan pembiayaan berbanding perniagaan institusi perbankan berkenaan menjelang akhir tahun 2000 (BNM, 2001).

Dalam memenuhi objektif tersebut, SPI memerlukan tiga perkara asas bagi melayakkannya menjadi satu sistem yang berdaya maju dan setanding dengan sistem perbankan konvensional. Pertama; sistem ini memerlukan bilangan pelaksana yang besar, kedua; instrumen atau produk pelbagai serta menyeluruh dan ketiga; pasaran kewangan Islam yang kompetitif (Siddiqi, 2002).

Persoalannya, adakah ketiga-tiga perkara asas ini mencapai tahap yang dikehendaki untuk menjadikan SPI di Malaysia bersifat dwisistem? Kajian ini akan menjurus kepada perkara pertama sahaja iaitu dari segi pelaksana atau pengamal SPI di Malaysia dengan memfokuskan pengamal perbankan konvensional yang menawarkan SPI. Apakah bank perdagangan menunjukkan prestasi yang baik dengan peningkatan dalam deposit dan pembiayaan? Di samping itu, berapakah tahap peningkatan tersebut jika dibandingkan dengan peningkatan deposit dan pembiayaan bagi produk konvensional?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji perkembangan dan prestasi deposit serta pembiayaan bank perdagangan yang menawarkan perkhidmatan SPI.
2. Mengukur dengan membandingkan tahap peningkatan deposit dan pembiayaan SPI serta konvensional bank perdagangan di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat beberapa kajian lepas yang dibuat berkaitan perkembangan perbankan Islam. Menurut Siddiqi (2002), terdapat beberapa faktor yang memberi rangsangan kepada perkembangan sektor perbankan Islam di seluruh dunia. Pertamanya ialah prestasi sistem kewangan seluruh dunia yang tidak memuaskan secara keseluruhan sejak perang dunia kedua berakhir terutama dalam tahun 1970-an. Ini terbukti apabila jurang pengagihan pendapatan kekayaan dan juga ketidakseimbangan dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara semakin besar. Sistem kewangan sedia ada memberi peluang kepada kapitalis mengaut keuntungan yang besar, perjudian seperti spekulasi serta mewujudkan kegiatan urus niaga kewangan yang salah. Sistem yang meletakkan kepada memaksimumkan keuntungan

juga mengabaikan soal kemanusiaan. Permasalahan dihadapi ini menyebabkan pengguna mencari alternatif selain daripada sistem yang sedia ada.

Faktor kedua ialah kebangkitan semula kesedaran Islam turut mempengaruhi cara kegiatan ekonomi penganutnya. Kebangkitan ini memberi kesedaran kepada orang Islam tentang kelebihan yang terdapat dalam sistem kewangan Islam. Sebagai agama yang menekankan persoalan akhlak, etika dan moral menimbulkan persoalan, adakah Islam menjadi asas dalam kegiatan ekonomi? Ini ditambah pula dengan pakej SPI yang amat berdaya saing.

Perkembangan dan kejayaan dalam setiap projek banyak bergantung kepada kecekapan pengurusan (Saad, 1985). Kajian menunjukkan sembilan daripada sepuluh kegagalan projek di negara maju berpunca daripada faktor ini. Dalam sektor perbankan, sekiranya elemen pengurusan dan teknikal dikendalikan dengan terurus maka kegagalan sektor tersebut akan dapat diminimumkan. Masalah yang sering dihadapi pihak pengurusan bank adalah dalam menentukan jangkaan pulangan bagi pembiayaan untung rugi (*profit-sharing financing*). Ini kerana pulangannya bergantung kepada keuntungan diperolehi daripada projek yang dibiayai berbanding sistem perbankan konvensional yang ditentukan oleh sekuriti kredit.

Masalah lain turut dihadapi ialah peraturan yang ditetapkan oleh bank pusat tentang rizab kewangan dengan tahap kecairan yang dikenakan kepada sektor perbankan Islam. Perbankan Islam tidak menerima bunga daripada rizab tersebut berbanding sektor perbankan konvensional.

M. Fahim (1999) membuat kajian dari sudut cabaran yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam pada kurun ke-21 akibat perubahan rangka kerja dengan peraturan perbankan global, seperti perubahan kehendak pelanggan dalam kewangan dan pelaburan, kemunculan pasaran baharu yang berpotensi serta perkhidmatan kewangan berasaskan teknologi. Abdul Awwal (2000) mengkaji dari sudut peraturan perbankan Islam di Bangladesh yang mencadangkan agar terdapat pengasingan antara peraturan dengan pengawalan perbankan tradisional dan perbankan Islam di Bangladesh. M.Y Khan (2001) menjalankan kajian tentang peraturan perbankan Islam di India dengan memfokuskan kajian isu perbankan Islam dan juga kekangan yang dihadapi oleh perbankan tersebut.

Di Malaysia, kajian tentang prestasi perbankan Islam (Abdus Samad dan M. Kabir, 1999) dijalankan dengan melihat dari sudut keuntungan, kecairan, risiko dan penyelesaian kepada permasalahan perbankan Islam. Kajian ini dibuat antara

tahun 1984 hingga 1997. Fokus utama kajian adalah kepada prestasi Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sahaja tanpa membuat perbandingan dengan institusi perbankan Islam lain. Malahan, kajian itu tidak menyentuh perkembangan perbankan Islam bagi institusi lain yang turut menawarkan skim perbankan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbandingan yang signifikan antara pulangan terhadap aset (ROA) dengan pulangan terhadap ekuiti (ROE) sepanjang tempoh tersebut. Dari segi kecairan pula, bank Islam mempunyai tahap kecairan yang lebih tinggi berbanding dengan bank konvensional.

Kajian kepentingan aspek pendidikan perbankan Islam dan strategi bagi menghadapi alaf baharu turut dilakukan (Abdul Halim dan Norizaton, 2001). Kajian ini mendapati tahap pengetahuan tentang perbankan Islam ini masih rendah dalam kalangan pengguna. Walaupun 48 peratus responden kajian mengetahui tentang produk kewangan Islam, tetapi 15 peratus sahaja dapat menjawab dengan betul apabila diminta menjelaskan maksud produk tersebut. Sebanyak 60 peratus tidak dapat membezakan antara Skim Perbankan Tanpa Faedah dengan produk kewangan bank konvensional. Kajian ini walau bagaimanapun, hanya mengkaji dari sudut pengguna tanpa melihat tahap pendidikan pihak pelaksana.

Berdasarkan kajian lepas tersebut, maka kajian ini dibuat bagi menghasilkan kajian baharu dalam SPI setelah beroperasi selama 20 tahun (1983 –2002).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan dijalankan di semua bank perdagangan yang menawarkan SPI di Malaysia. Terdapat sepuluh buah bank perdagangan tempatan yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada Affin Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, AmBank Berhad, Bank Commerce Bank Berhad, EON Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad, RHB Bank Berhad dan Southern Bank Berhad.

Pengumpulan data dibuat dengan merujuk kepada laporan tahunan oleh BNM dan laporan tahunan bank perdagangan tersebut dari tahun 1996 hingga 2001.

Kajian ini mengambil kira perkembangan perbankan Islam di Malaysia dari tahun 1996 hingga 2001 memandangkan kebanyakan bank perdagangan hanya memasukkan laporan terperinci berkaitan penyata kewangan SPI bermula pada 1996, walaupun operasi perbankan Islam bermula lebih awal.


HASIL KAJIAN

Peningkatan dari Sudut Aset, Deposit dan Pembiayaan


Aset SPI mencatat angka RM75.9 bilion sehingga 30 September 2003 yang mewakili 9.2 peratus daripada jumlah keseluruhan aset sistem perbankan di Malaysia. Kadar pertumbuhan purata tahunan aset SPI ialah 3.6 peratus setahun (Utusan Online, 12 Nov. 2003).

Merujuk Rajah 2.1, kadar pertumbuhan purata yang dicapai bagi bank perdagangan dari tahun 1994 hingga 2001 ialah sebanyak 57 peratus. Kadar peningkatan tertinggi dicapai pada tahun 1997 iaitu sebanyak 149 peratus. Jika dibandingkan antara institusi, peningkatan aset secara purata yang tertinggi adalah daripada syarikat kewangan iaitu pada kadar 68 peratus, ini diikuti bank saudagar sebanyak 61 peratus, bank perdagangan 57 peratus dan rumah diskaun lima peratus. Secara keseluruhannya, sepanjang tempoh 1994 hingga 2001, aset SPI meningkat secara purata pada kadar 60 peratus. Sebagai contoh, pada tahun 1999, peratus peningkatan aset bagi SPI institusi mengikut urutan tertinggi seperti berikut; bank saudagar (85 peratus), syarikat kewangan (455 peratus) dan bank perdagangan (37 peratus).

Rajah 2.1
Kadar Pertumbuhan Aset Keseluruhan SPI dan Aset SPI Bank
Perdagangan





(sambungan Rajah 2.1)



Dari segi deposit pula, peningkatan ketara berlaku pada 1994 iaitu pada kadar 624 peratus. Ini disebabkan pengenalan skim perbankan tanpa faedah (kini dikenali sebagai skim perbankan Islam) yang membuka ruang kepada bank perdagangan menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam dengan lebih meluas lagi. Secara purata, peningkatan deposit dari tahun 1994 hingga 2001 ialah 53 peratus. Sementara itu, bank perdagangan mencatat pertumbuhan purata dalam tempoh tersebut sebanyak 49 peratus (Rujuk Rajah 2.2).



Dalam aspek pembiayaan pula, bank perdagangan turut menunjukkan peningkatan yang amat baik pada tahun 1995 dan 1996, dengan masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 230 peratus dan 145 peratus. Walaupun terdapat penurunan pada tahun 1998 sebanyak enam peratus, namun peningkatan semula dicatatkan pada tahun berikutnya. Penurunan ini disebabkan pengurangan dalam aktiviti ekonomi pada tahun 1998 yang memberi kesan terhadap pengurangan aktiviti pembiayaan sektor perbankan Islam. Nisbah pembiayaan-deposit menurun daripada 104.1 peratus pada akhir tahun 1997 kepada 64.9 peratus pada akhir tahun 1998. Kebanyakan lebihan deposit dilaburkan dalam pasaran wang secara Islam (Laporan BNM, 1998). Pembiayaan SPI dari tahun 1995 hingga 2001 secara purata mencatatkan peningkatan sebanyak 86 peratus manakala bank perdagangan mencatat peningkatan purata sebanyak 86 peratus (Rujuk Rajah 2.3).

Rajah 2.2
Kadar Pertumbuhan Keseluruhan Deposit SPI
dan Deposit SPI Bank Perdagangan



Sehingga Jun 2003, dari segi deposit dan pembiayaan, SPI menyumbang sebanyak sepuluh peratus dan sembilan peratus daripada keseluruhan sistem perbankan di Malaysia (Utusan Online, 2003).

Rajah 2.3
Kadar Pertumbuhan Pembiayaan Keseluruhan SPI dan
Pembiayaan SPI Bank Perdagangan




Perbandingan Perkembangan SPI dengan Konvensional Bank
Perdagangan Tempatan

Tahap peningkatan SPI dapat diukur dengan lebih jelas lagi melalui perbandingan akan dilakukan di bank perdagangan yang turut menawarkan produk dan perkhidmatan konvensional. Perbandingan dari segi peningkatan deposit dan pembiayaan ini melibatkan bank berikut; Affin Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, AmBank Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad, EON Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad, RHB Bank Berhad dan Southern Bank Berhad.


Berdasarkan perbandingan yang dilakukan di Public Bank, didapati bahawa peratus peningkatan deposit dalam SPI nyata lebih baik berbanding dengan sistem konvensional. Peningkatan purata SPI sepanjang 1996 hingga 2001 ialah sebanyak 194.74 peratus berbanding 10.15 peratus bagi sistem konvensional. Jurang perbezaan yang paling besar dicapai pada tahun 1999 apabila deposit SPI mencatat peningkatan sebanyak 490 peratus berbanding satu peratus bagi sistem konvensional, bagi tahun 2001 pula deposit SPI dalam Public Bank meningkat sebanyak 44 peratus berbanding konvensional meningkat sebanyak 20 peratus sahaja (Rujuk Rajah 2.4).

Perbezaan peningkatan yang amat ketara juga turut ditunjukkan dari segi pembiayaan. Keadaan ini berlaku paling ketara pada tahun 1997 setelah SPI mencapai peningkatan sebanyak 6,964 peratus dari tahun sebelumnya, berbanding peningkatan sebanyak enam peratus bagi sistem konvensional. Pada tahun 2000, peningkatan pembiayaan dalam SPI ialah sebanyak 54 peratus berbanding konvensional sebanyak 16 peratus sahaja. Secara purata, sepanjang tahun 1996 hingga 2001, SPI mencatat peningkatan sebanyak 1,453.67 peratus berbanding peningkatan sebanyak 13.93 peratus (Rujuk Rajah 2.4).

Rajah 2.4
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan Public Bank



(sambungan Rajah 2.4)





Maybank Berhad

SPI menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi berbanding dengan sistem konvensional dari segi deposit dan pembiayaan bagi Maybank. Peningkatan peratus purata SPI ialah sebanyak 79.66 peratus berbanding 12.01 peratus dalam sistem konvensional bagi tempoh 1996 hingga 2001 untuk deposit. Perbezaan peningkatan dalam deposit yang paling ketara adalah pada tahun 1999 iaitu 193 peratus untuk SPI dan tiga peratus sahaja bagi sistem konvensional. Pada tahun 2000, peningkatan peratus deposit SPI adalah pada tahap -13 peratus. Ini disebabkan oleh penurunan dalam jumlah deposit oleh bank dan institusi kewangan yang berkurangan daripada 1.434 bilion kepada 0.233 bilion pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, deposit daripada pelanggan tetap menunjukkan peningkatan daripada 2.1 bilion (1999) kepada 2.908 bilion (2000). Tahun 2001 peningkatan deposit dalam SPI ialah 109 peratus manakala sistem konvensional ialah sebanyak 18 peratus sahaja (Rujuk Rajah 2.5).

Peningkatan purata pembiayaan bagi tempoh yang sama pula ialah sebanyak 63.13 peratus bagi SPI dan 15.86 peratus bagi sistem konvensional. Pada tahun 1998 sahaja peningkatan pembiayaan dalam SPI ialah sebanyak 61 peratus sedangkan dalam sistem konvensional mencatatkan penurunan sebanyak satu peratus daripada 25 peratus (1997) kepada 24 peratus (1998). Perbezaan tertinggi dicatat pada tahun 2001 dengan SPI meningkat sebanyak 128 peratus sementara sistem konvensional sekadar mencatat peningkatan sebanyak 22 peratus sahaja (Rujuk Rajah 2.5).

Rajah 2.5
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan Maybank




Affin Bank Berhad

Peningkatan deposit secara purata dari tahun 1996 hingga 2001 ialah sebanyak 33 peratus bagi SPI dan hanya enam peratus bagi sistem konvensional bagi Affin Bank. Peningkatan ketara bagi SPI dicatat pada tahun 1998 dengan kadar

155 peratus, sedangkan pada tahun yang sama sistem konvensional mencatat penurunan sebanyak lima peratus. Walau bagaimanapun, deposit SPI mengalami penurunan pada tahun 1999 sebanyak 13 peratus, namun begitu, pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 2000 dan 2001, deposit SPI meningkat kepada 29.58 peratus dan 39.14 peratus manakala sistem konvensional juga mencatatkan peningkatan yang kecil sebanyak 9 peratus sahaja pada tahun 2001 (Rujuk Rajah 2.6).

Rajah 2.6
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan Affin Bank




Pembiayaan SPI di Affin Bank juga menunjukkan peningkatan positif sebanyak 15 peratus secara purata bagi tempoh 1996 hingga 2001 walhal sistem konvensional hanya mencatat peningkatan purata pada kadar negatif sebanyak dua peratus. Pada tahun 1997 misalnya, peningkatan pembiayaan dalam SPI ialah sebanyak 57 peratus manakala sistem konvensional ialah sebanyak 20 peratus sahaja. Walaupun terdapat penurunan dalam jumlah pembiayaan SPI dan konvensional pada tahun 2000, namun peningkatan berlaku semula pada tahun 2001 iaitu sebanyak 158 peratus dan 43.35 peratus. Ini jelas membuktikan bahawa produk dan perkhidmatan SPI menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari tahun ke tahun (Rujuk Rajah 2.6).


AmBank Berhad

Peningkatan dalam deposit SPI adalah positif berbanding dengan sistem konvensional untuk AmBank. Sebagai contoh, pada tahun 1998 dan 1999 deposit SPI meningkat daripada -14.65 peratus kepada 133.9 peratus berbanding dengan sistem konvensional penurunan berlaku daripada 30.10 peratus (1998) kepada -5.34 peratus (1999). Pada tahun 2001, deposit SPI masih menunjukkan peningkatan positif sebanyak 7.88 peratus berbanding dengan sistem konvensional yang mencatatkan peningkatan kecil iaitu sebanyak 0.41 peratus sahaja (Rujuk Rajah 2.7).

Rajah 2.7
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan AmBank



(sambungan Rajah 2.7)



Secara umum, pembiayaan SPI didapati menunjukkan peningkatan positif. Peningkatan yang tinggi berlaku pada tahun 2000 iaitu sebanyak 59.7 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 11.58 peratus. Dalam sistem konvensional pula, pada tahun yang sama menunjukkan penurunan daripada -10.35 peratus kepada -1.15 peratus. Deposit dan pembiayaan SPI dalam Ambank menunjukkan pertumbuhan yang baik dari tahun ke tahun secara umum. (Rujuk Rajah 2.7).



EON Bank Berhad

EON Bank Berhad juga menunjukkan pertumbuhan yang positif dari aspek deposit dan juga pembiayaan. Sebagai perbandingan, deposit SPI bagi tempoh dua tahun yang terakhir menunjukkan peningkatan yang positif daripada 54.1 peratus (2000) meningkat kepada 67.15 peratus (2001), walaupun sebelum itu deposit SPI mengalami penurunan iaitu 15.6 peratus (1999). Bagi sistem konvensional pula deposit untuk tempoh yang sama juga menunjukkan peningkatan yang positif terutama pada tahun 2001 iaitu sebanyak 84.37 peratus (Rujuk Rajah 2.8).

Dari aspek pembiayaan, untuk tempoh tiga tahun terakhir menunjukkan peningkatan yang baik iaitu sebanyak 18.2 peratus (1999), 72.63 peratus (2000) dan 119.19 peratus (2001). Dalam sistem konvensional pula, untuk tempoh tahun yang sama berlaku turun naik dalam jumlah pembiayaan. Pada tahun 1998 dan 1999 berlaku penurunan dalam jumlah pembiayaan daripada 5.03



peratus (1998) kepada -0.87 peratus (1999), namun begitu jumlah deposit ini terus meningkat dengan drastik pada tahun 2001 iaitu sebanyak 102.3 peratus. Secara umum dari aspek pembiayaan, Eon Bank menunjukkan pertumbuhan yang baik dalam SPI dan dijangka akan terus meningkat pada tahun akan datang. Dalam sistem konvensional pula, dari segi pertumbuhan deposit dan pembiayaan menunjukkan turun naik (Rujuk Rajah 2.8).

Rajah 2.8
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan EON Bank




Hong Leong Bank menunjukkan peningkatan deposit SPI ketara terutama pada tahun 1999 dengan peningkatan sebanyak 2,047 peratus berbanding deposit konvensional yang meningkat sebanyak 114 peratus pada tahun yang sama. Secara keseluruhannya, deposit SPI meningkat sebanyak 2,679.83 peratus sepanjang tempoh dari 1996 hingga 2001. Deposit konvensional pula meningkat sebanyak 633 peratus sahaja (Rujuk Rajah 2.9).

Rajah 2.9
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan Hong Leong Bank



Peningkatan yang amat ketara dari segi pembiayaan ditunjukkan terutama pada tahun 1998. Daripada hanya RM2,000 pada tahun 1997 kepada RM360,000 pada tahun berikutnya, yang menyumbang peratus peningkatan sebanyak 18,000 peratus. Bagi tahun berikutnya, pembiayaan SPI masih mengatasi peratus peningkatan berbanding pembiayaan konvensional. Secara keseluruhan, pembiayaan SPI meningkat sebanyak 19,835.75 peratus berbanding 597 peratus dalam pembiayaan konvensional sepanjang 1996 hingga 2001 (Rujuk Rajah 2.9).

Rajah 2.10
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan BBMB



Bank Bumiputra Malaysia Berhad

BBMB sebagai antara bank terawal menawarkan perkhidmatan SPI di Malaysia turut menunjukkan prestasi yang baik dari segi deposit dan pembiayaan. Berbanding dengan deposit konvensional, deposit SPI meningkat pada kadar 636.95 peratus dan 116.74 peratus pada tahun 1997 dan 1998 manakala deposit konvensional hanya meningkat pada kadar 119 peratus dan 97 peratus pada tahun yang sama. Bagi tempoh dua tahun tersebut, SPI meningkat sebanyak 753.69 peratus berbanding konvensional sebanyak 216 peratus (Rujuk Rajah 2.10).


Pembiayaan SPI paling ketara meningkat pada tahun 1997 iaitu sebanyak 3,050.71 peratus berbanding pembiayaan konvensional sebanyak 121 peratus. Pembiayaan SPI meningkat sebanyak 3,170.83 peratus bagi tempoh 1997 dan 1998 sementara pembiayaan konvensional pula meningkat sebanyak 233 peratus (Rujuk Rajah 2.10).

Tahun berikutnya, deposit dan pembiayaan SPI tidak ditawarkan di BBMB disebabkan Unit Perbankan Islam di BBMB dinaik taraf menjadi Bank Muamalat Malaysia Berhad.


Southern Bank Berhad

Perbandingan peningkatan deposit bagi tempoh 1999 hingga 2001 menunjukkan secara keseluruhan deposit SPI meningkat sebanyak 681.89 peratus berbanding

Rajah 2.11
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan Southern Bank Berhad



(sambungan Rajah 2.11)



409 peratus deposit konvensional. Walau bagaimanapun, deposit konvensional menunjukkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2000 iaitu meningkat sebanyak 171 peratus berbanding 110 peratus bagi deposit SPI (Rujuk Rajah 2.11).



Dalam pembiayaan pula, SPI menunjukkan peningkatan yang lebih baik dari 1999 hingga 2001 dengan peratus peningkatan sebanyak 942.76 peratus manakala pembiayaan konvensional pula meningkat pada kadar keseluruhan sebanyak 412 peratus (Rujuk Rajah 2.11).

RHB Bank Berhad

Deposit SPI menunjukkan peningkatan yang menggalakkan pada tahun 1998 dan 1999 pada kadar 443 peratus dan 608 peratus. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan yang agak rendah dicapai pada tahun 2000 dan 2001 iaitu sebanyak 118 peratus dan 151 peratus. Namun secara keseluruhan, peratus peningkatan deposit SPI masih mengatasi deposit konvensional iaitu sebanyak 1,320 peratus berbanding 506 peratus (Rujuk Rajah 2.12).

SPI menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 1998 iaitu sebanyak 923 peratus berbanding konvensional sebanyak 159 peratus dari sudut pembiayaan. Tiga tahun berikutnya, jumlah peningkatan menurun kepada 241 peratus (1999), 199 peratus (2000) dan 162 peratus (2001). Secara keseluruhan, pembiayaan SPI meningkat sebanyak 1,525 peratus dan pembiayaan konvensional meningkat sebanyak 504 peratus bagi tempoh 1998 hingga 2001 (Rujuk Rajah 2.12).

Rajah 2.12
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan RHB Bank




Alliance Bank Berhad

Dari segi deposit, bank ini menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 1997 dengan peningkatan sebanyak 9,822 peratus. Peningkatan mendadak ini berlaku pada penawaran awal SPI di Alliance Bank apabila pada tahun 1996, deposit SPI hanya berjumlah RM32,000 telah meningkat kepada 3.142 juta pada tahun 1997. Sepanjang tempoh 1997–2001, SPI secara keseluruhannya mencatat peningkatan sebanyak 11,924 peratus berbanding konvensional sebanyak 602 peratus (Rujuk Rajah 2.13).

Alliance Bank dari sudut pembiayaan mencapai peningkatan peratus yang rendah berbanding peningkatan peratus pembiayaan konvensional. Secara keseluruhan, SPI mencatat peningkatan peratus pembiayaan sepanjang tempoh 1997–2001 sebanyak 110 peratus berbanding pembiayaan konvensional sebanyak 608 peratus. Walaupun bank menawarkan SPI sejak 1996 lagi, tetapi hanya menawarkan pembiayaan pada 2000. Pada tahun itu, pembiayaan SPI mencatat peningkatan sebanyak 110 peratus berbanding konvensional sebanyak 108 peratus (Rujuk Rajah 2.13).

Rajah 2.13
Perbandingan Deposit dengan Pembiayaan Alliance Bank



Jadual 2.1
Jumlah dan Peratus Peningkatan Deposit, Pembiayaan SPI dan
Konvensional Bank Perdagangan dari Tahun 1996–2001

BANK		DEPOSIT			
		KONVENSIONAL (RM)	%	SPI (RM)	%
1	Affin Bank	69,157,080,000	6%	8,010,006,000	48%
2	Maybank Berhad	416,532,329,000	60%	15,851,047,000	398%
3	Ambank Berhad	48,329,514,000	123%	3,826,407,000	556%
4	Southern Bank**	43,372,215,000	409%	1,488,713,000	682%
5	BBMB Berhad*	181,226,028,000	716%	424,259,000	754%
6	Public Bank Berhad	157,959,006,000	51%	4,582,970,000	974%
7	RHB Bank	156,792,524,000	506%	7,476,213,000	1320%
8	EON Bank	42,363,947,000	172%	2,143,434,000	2468%
9	Hong Leong Bank	72,230,151,000	633%	1,627,906,000	2677%
10	Alliance Bank	49,729,085,000	602%	1,149,867,000	11924%



* % peningkatan dari 1996–1998

** % peningkatan dari 1998–2001

Rajah 2.14 menunjukkan peratus peningkatan deposit SPI dan konvensional yang dicapai oleh bank perdagangan di Malaysia. Alliance Bank menunjukkan peningkatan tertinggi dalam tempoh 1997–2001 iaitu pada kadar 11,924 peratus. Affin Bank pula menunjukkan peningkatan terendah pada kadar 48 peratus. Semua bank menunjukkan peratus peningkatan dalam deposit SPI yang lebih baik berbanding deposit konvensional.

Rajah 2.14



Jumlah dan Peratus Peningkatan Deposit SPI dan Konvensional Bank Perdagangan dari Tahun 1996–2001



1	Affin Bank	6	Public Bank Berhad
2	Maybank Berhad	7	RHB Bank
3	Ambank Berhad	8	EON Bank
4	Southern Bank**	9	Hong Leong Bank
5	BBMB Berhad*	10	Alliance Bank

Berdasarkan Rajah 2.15, dari segi pembiayaan pula, Hong Leong Bank meningkat pada tahap tertinggi sebanyak 19,836 peratus diikuti oleh Public Bank (7,268 peratus) dan BBMB (3,171 peratus). Affin Bank pula hanya mencapai peningkatan peratus sebanyak 44 peratus diikuti oleh Alliance Bank (110 peratus) dan EON Bank (243 peratus).

Rajah 2.15
Jumlah dan Peratus Peningkatan Pembiayaan SPI dan Konvensional
Bank Perdagangan dari Tahun 1996–2001



1	Affin Bank	6	Southern Bank
2	Alliance Bank	7	RHB Bank
3	EON Bank	8	BBMB Berhad
4	Maybank Berhad	9	Public Bank Berhad
5	Ambank Berhad	10	Hong Leong Bank

Jadual 2.2
Jumlah dan Peratus Peningkatan Pembiayaan

PEMBIAYAAN					
	BANK	KONVENSIONAL (RM)	%	SPI (RM)	%
1	Affin Bank	60,557,897,000	12%	3,818,078,000	44%
2	Alliance Bank	42,781,024,000	608%	121,153,000	110%
3	EON Bank	32,291,360,000	185%	967,103,000	243%
4	Maybank Berhad	331,016,891,000	79%	11,545,314,000	316%
5	Ambank Berhad	40,599,137,000	123%	2,323,824,000	441%
6	Southern Bank**	39,013,494,000	412%	508,051,000	943%
7	RHB Bank	132,702,490,000	504%	3,827,921,000	1525%
8	BBMB Berhad*	134,264,600,000	677%	387,039,000	3171%
9	Public Bank Berhad	80,199,188,000	70%	1,215,980,000	7268%
10	Hong Leong Bank	53,110,248,000	597%	95,111,000	19836%

* % peningkatan dari 1996–1998



** % peningkatan dari 1998 –2001

Jadual 2.3
Perbezaan Peningkatan Deposit dengan Pembiayaan SPI dan Konvensional
Bank Perdagangan dari Tahun 1996–2001

DEPOSIT						
BANK	KONVENSIONAL	%	SPI	%	% PER-BEZAAN	
1	BBMB Berhad*	181,226,028,000	716%	424,259,000	754%	38%
2	Affin Bank	69,157,080,000	6%	8,010,006,000	48%	41%
3	Southern Bank**	43,372,215,000	409%	1,488,713,000	682%	272%
4	Maybank Berhad	416,532,329,000	60%	15,851,047,000	398%	338%
5	Ambank Berhad	48,329,514,000	123%	3,826,407,000	556%	433%
6	RHB Bank	156,792,524,000	506%	7,476,213,000	1320%	814%
7	Public Bank Berhad	157,959,006,000	51%	4,582,970,000	974%	923%
8	Hong Leong Bank	72,230,151,000	633%	1,627,906,000	2677%	2044%
9	EON Bank	42,363,947,000	172%	2,143,434,000	2468%	2297%
10	Alliance Bank	49,729,085,000	602%	1,149,867,000	11924%	11322%

Rajah 2.16 dapat menunjukkan perbezaan peningkatan deposit SPI dan konvensional dari tahun 1997–2001. Alliance Bank menunjukkan perbezaan peningkatan peratus deposit yang paling besar antara SPI dan konvensional sebanyak 11, 322 peratus. Ini diikuti oleh EON Bank (2, 297 peratus) dan Hong Leong Bank (2, 044 peratus).

Rajah 2.16
Perbezaan Peningkatan Deposit SPI dengan Konvensional Bank
Perdagangan dari Tahun 1996–2001



1	BBMB Berhad	6	RHB Bank
2	Affin Bank	7	Public Bank Berhad
3	Southern Bank	8	Hong Leong Bank
4	Maybank Berhad	9	EON Bank
5	Ambank Berhad	10	Alliance Bank

Ujian t (t -test) dilakukan untuk mengetahui perbezaan secara statistik dari sudut deposit SPI dan konvensional. Jadual 2.4 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua deposit tersebut ($t = 0.009$).

Jadual 2.4
Keputusan Ujian t

	Paired Differences					t	df	Sig. (2-tailed)
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95 peratus Confidence Interval of the Difference				
				Lower	Upper			
kon - spi	118.87800	112.26450	35.50115	38.56881	199.18719	3.349	9	.009

Jadual 2.5 pula menunjukkan jumlah minimum deposit konvensional ialah sebanyak RM42 bilion dan jumlah deposit maksimum ialah sebanyak RM416 bilion. Sementara itu, bagi deposit SPI pula, jumlah minimum ialah sebanyak RM420 juta dan jumlah maksimum ialah sebanyak RM15.8 bilion. Daripada analisis ini, jelas menunjukkan bahawa deposit SPI perlu menjalankan usaha yang agresif bagi menarik pelanggan untuk terus mendeposit. Ini kerana, semasa kajian ini dijalankan, purata (*mean*) bagi saiz deposit SPI ialah 4.622 berbanding dengan deposit konvensional sebanyak 123.5. Walau bagaimanapun, *standard deviation* (sisihan piawai) bagi deposit konvensional iaitu 115.9, jauh lebih besar berbanding deposit SPI sekadar 4.71.

Jadual 2.5
Perbandingan *Mean* dengan *Standard Deviation* bagi Deposit

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Kon	10	42.00	416.00	123.5000	115.92934
Spi	10	.42	15.80	4.6220	4.71484
Valid N (listwise)	10				



Merujuk kepada Rajah 2.17, Hong Leong Bank mempamerkan perbezaan peratus pembiayaan antara SPI dengan konvensional yang tertinggi iaitu sebanyak

(19,239 peratus) diikuti oleh Public Bank Berhad (7,199 peratus) dan BBMB Berhad (2,494 peratus) manakala pembiayaan SPI di Alliance Bank Berhad pula rendah berbanding dengan konvensional sebanyak (497 peratus).

Jadual 2.6
Perbezaan Peningkatan Pembiayaan

PEMBIAYAAN						
	BANK	KONVENSIONAL	%	SPI	%	% PERBEZAAN
1	Alliance Bank	42,781,024,000	608%	121,153,000	110%	-497%
2	Affin Bank	60,557,897,000	12%	3,818,078,000	44%	32%
3	EON Bank	32,291,360,000	185%	967,103,000	243%	59%
4	Maybank Berhad	331,016,891,000	79%	11,545,314,000	316%	236%
5	Ambank Berhad	40,599,137,000	123%	2,323,824,000	441%	318%
6	Southern Bank**	39,013,494,000	412%	508,051,000	943%	531%
7	RHB Bank	132,702,490,000	504%	3,827,921,000	1525%	1021%
8	BBMB Berhad*	134,264,600,000	677%	387,039,000	3171%	2494%
9	Public Bank Berhad	80,199,188,000	70%	1,215,980,000	7268%	7199%
10	Hong Leong Bank	53,110,248,000	597%	95,111,000	19836%	19239%

Rajah 2.17
Perbezaan Peningkatan Pembiayaan SPI dengan Konvensional Bank
Perdagangan dari Tahun 1996–2001



1	Alliance Bank	6	Southern Bank
2	Affin Bank	7	RHB Bank
3	EON Bank	8	BBMB Berhad
4	Maybank Berhad	9	Public Bank Berhad
5	Ambank Berhad	10	Hong Leong Bank

RUMUSAN

Hasil kajian ini mendapati bahawa SPI menunjukkan prestasi yang baik dari segi peningkatan peratus deposit dengan pembiayaan berbanding konvensional di bank perdagangan di Malaysia sepanjang tahun 1996–2001. Walau bagaimanapun, pembiayaan SPI di Alliance Bank sahaja yang didapati lebih rendah berbanding dengan pembiayaan konvensional apabila SPI mencatat peningkatan peratus sebanyak 110 peratus berbanding dengan konvensional yang mencatat peningkatan sebanyak 608 peratus. Peningkatan dalam pembiayaan SPI ini banyak disumbang daripada pembiayaan sektor hartanah disebabkan oleh kadar tetap pembiayaan SPI. Semasa kadar faedah pada paras yang tinggi terutama pada awal 1998, peminjam mengambil peluang membiayai semula pembiayaan di bawah *Bai' bithaman Ajil* untuk mengunci kos pembiayaan mereka (Laporan BNM, 1998).

Secara perbandingan pula, peningkatan peratus deposit SPI meningkat lebih tinggi berbanding dengan konvensional bagi tempoh 1996–2001. Peningkatan peratus tertinggi deposit SPI melalui Alliance Bank iaitu sebanyak 11,924 peratus berbanding dengan peratus tertinggi konvensional sebanyak 716 peratus oleh BBMB. Bagi pembiayaan pula, SPI juga telah meningkat lebih baik apabila peningkatan tertinggi sebanyak 19,836 peratus dicatat oleh Hong Leong Bank sepanjang tahun 1996–2001. Sementara itu, bagi konvensional peningkatan tertinggi dicatat oleh BBMB sebanyak 677 peratus.

Dari segi perbezaan antara peningkatan peratus deposit SPI dengan konvensional pula, Alliance Bank mencatat perbezaan yang terbesar iaitu sebanyak 11,322 peratus. Hong Leong Bank pula mencatat perbezaan terbesar iaitu sebanyak 19,329 peratus untuk pembiayaan.

Berdasar kepada kajian ini juga, SPI secara dasar mampu mencapai sasaran penguasaan sebanyak lima peratus perniagaan perbankan Islam dari segi aset, deposit dan pembiayaan, menjelang akhir tahun 2002. Terdapat beberapa buah bank yang mencatat penguasaan deposit dan pembiayaan yang melebihi lima peratus pada akhir tahun 2000. Affin Bank mencatat peratus penguasaan deposit sebanyak 13.40 peratus, diikuti oleh AM Bank (10.37 peratus) dan EON Bank (6.29 peratus). Dari segi pembiayaan pula, AM Bank mencatat 7.83 peratus dan Affin Bank (5.34 peratus).

Walaupun bagaimanapun, perbezaan yang signifikan antara deposit SPI dengan konvensional memerlukan kepada pengamal perbankan Islam menjalankan strategi yang agresif untuk meningkatkan jumlah deposit dalam simpanan dan juga pelaburan. SPI perlu menawarkan kadar pulangan deposit yang menarik dan berdaya saing dengan deposit konvensional.

RUJUKAN

- Abdul Awwal Sarker. (2000). Regulation of Islamic banking in Bangladesh: Role of Bangladesh Bank. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2(1), Apr–June.
- Abdul Halim Abdul Hamid., & Norizatun Azmin Mohd Nordin. (2001). A study on Islamic banking education and millenium– Malaysian experience. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2(4), Jan –March.
- Abdus Samad., & M. Kabir Hassan. (1999). The performance of Malaysian Islamic bank during 1984-1997: An exploratory study. *International Journal of Islamic Financial Services*, 1(3), Jul–Sept.
- Ahmad Kaleem. (2000). Modeling monetary stability under dual banking system: The case of Malaysia. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2(1), Apr–June.
- Ahmad, Ausaf. (1987). *Development and problems of Islamic banks*. Jeddah: Islamic Development Bank.
- Al Harran, Saad Abdul Sattar H. (1992). *Islamic banking: Managing the challenges*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2001). *Laporan Kewangan, 2000*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- Hamdi Abdur Rahim. (1992). *Islamic banking: Conceptual framework and practical operations*. Islamabad: Institute of Policy Studies.
- Homoud, Sami Hassan. (1985). *Islamic banking: The adaptation of banking practice to conform with Islamic law*. London: Arabian Information.
- Laporan Tahunan Affinbank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Alliance Bank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Ambank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 1998
- Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2001
- Laporan Tahunan Bank Bumiputra Malaysia Berhad. 1996–1999
- Laporan Tahunan EON Bank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Hong Leong Bank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Maybank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Public Bank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan Southern Bank Berhad. 1996–2001
- Laporan Tahunan RHB Bank Berhad. 1996–2001
- Lewis, M. K., & Latifa, M. A. (2001). *Islamic banking*. Cheltenham: Edward Elgar.
- M. Fahim Khan. (1999). Financial modernization in 21st century and challenge for Islamic banking. *International Journal of Islamic Financial Services*, 1(3), Okt–Dec.

- M.Y. Khan. (2001). Banking regulations and Islamic banks in India: Status and issues. *International Journal of Islamic Financial Services*, 2(4), Jan–March.
- Mohamed Ariff (Ed.). (1988). *Islamic banking in Southeast Asia: Islam and the economic development of Southeast Asia*. Singapore: ISEAS.
- Saad Al-Harran (Ed.). (1995). *Leading issues in Islamic banking and finance*. Kuala Lumpur: Pelanduk.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (1983). *Banking without interest*. Leicester: Islamic Foundation.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (1983). *Issues in Islamic banking: Selected papers*. Leicester: Islamic Foundation.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (2002). *Comparative advantages of Islamic banking and finance*. Paper presented at Harvard University Forum on Islamic Finance, 6 April.
- Sudin Haron., & Norafifah Ahmad. (2000). The effects of conventional interest rates and rate of profit on funds deposited with Islamic banking system in Malaysia. *International Journal of Islamic Financial Services*, 1(4), Jan–March.
- Sudin Haron. (1997). *The effects of management policy on the performance of Islamic banks*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Sudin Haron., & Bala Shanmugam. (1997). *Islamic banking system: Concepts and applications*. Petaling Jaya: Pelanduk.
- Utusan Online (22 November, 2003). Capaian daripada <http://utusan.com.my>.